



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



JURNAL Momen



SEBANYAK 55 kawasan bertanda yang membolehkan pengunjung melihat visual mengenai Tun Abdul Razak.

PENGUNJUNG boleh melihat antara peristiwa yang pernah berlaku di Memorial ini menerusi aplikasi yang digunakan.



Oleh: KHAIRIYAH HANAFI

Nostalgia 40 tahun pemerghian bapa pembangunan

Paparan video menerusi aplikasi galeri interaktif bawa pengunjung imbas jasa dan sumbangan Tun Abdul Razak kepada negara selain menyampaikan mesej dalam bentuk interaktif yang mudah difahami.

EMPAT puluh tahun dahulu, bangunan berkeluasan 1,857 meter persegi yang terletak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur ini merupakan kediaman rasmi Perdana Menteri ke-2, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan keluarga.

Biarpun 40 tahun telah berlalu, namun struktur bangunan dua tingkat yang dianggarkan bernilai kira-kira RM250,000 pada waktu itu masih sama seperti ketika didiami Tun Abdul Razak.

Bangunan yang dikenali sebagai Sri Taman itu didiami Tun Abdul Razak bersama keluarganya semenjak ia siap didirikan pada tahun 1962 sehingga ke akhir hayatnya iaitu pada tahun 1976.

Selepas kematian Tun Abdul Razak,

kediaman itu kemudian menjadi kediaman rasmi Perdana Menteri ke-3, Tun Hussein Onn selama dua tahun.

Bagaimanapun, sekitar bulan September 1981, Tun Dr. Mahathir

Mohamad, Perdana Menteri ke-4 telah mengambil keputusan untuk menjadikan Sri Taman sebagai Memorial Tun Abdul Razak, bagi memperingati jasa dan sumbangan baktinya kepada negara.

Menurut Ketua Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan, Mahani Muhammad, pada mulanya tapak bangunan Sri Taman didirikan itu dikhaskan

untuk membina kediaman Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu iaitu Tunku Abdul Rahman.

Tunku Abdul Rahman bagaimanapun mahu supaya tapak itu digunakan untuk membina sebuah rumah untuk



MAHANI



ANTARA pakaian yang pernah dipakai Tun Abdul Razak suatu ketika dahulu yang dijadikan bahan pameran di Dewan Pameran.

Tun Abdul Razak yang pada ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri.

Kolam renang

"Bangunan jenis dua tingkat ini mempunyai reka bentuk ala-Californian sebagaimana yang dikehendaki oleh Tunku Abdul Rahman sendiri pada asalnya.

"Di tengah-tengah kediaman ini pula terdapat sebuah taman kecil yang menempatkan sebuah kolam ikan. Bagaimanapun sekitar tahun 1966, Tun Abdul Razak telah membina sebuah kebun kecil berkonsep Jepun di taman tersebut," ujarnya.

Menurut Mahani lagi, rupa bentuk di dalam Sri Taman disusun mengikut kedudukan asal semasa Tun Abdul



SUASANA luar pekarangan Memorial Tun Abdul Razak yang masih sama seperti tahun 1962.

EKSTRA

Memorial Tun Abdul Razak

• **Alamat:** Sri Taman, Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur.

Waktu Lawatan

- Selasa hingga Khamis (10 pagi hingga 5.30 petang)
- Jumaat (10 pagi hingga 12 tengah hari dan 3 petang hingga 5.30 petang)
- Sabtu dan Ahad (9 pagi hingga 5 petang)
- Memorial Tun Abdul Razak ditutup pada hari Isnin kecuali semasa cuti umum dan cuti sekolah

• Pengunjung boleh memasuki Memorial, Tun Abdul Razak secara percuma

• **Tel:** 03-2693 7141/ 2693 7294/ 2693 7740

• **Laman web:** www.arkib.gov.my

foto: RAZAK LATIF

Razak dan keluarganya mendiami kediaman tersebut.

"Dahulu, kelima-lima anak Tun Abdul Razak pernah meminta beliau untuk membina sebuah kolam renang di kawasan tersebut bagi kegunaan mereka sekeluarga.

"Disebabkan kos pembinaan kolam renang yang mahal dan bimbang akan reaksi rakyat, Tun Abdul Razak enggan membina kolam renang di kawasan tersebut dan menggantikannya dengan kolam ikan kecil seperti yang ada di sini pada hari ini," ujarnya.

Jelas Mahani, Sri Taman yang kini dijadikan memorial untuk kunjungan orang ramai mempunyai 16 ruang pameran iaitu sembilan di tingkat bawah dan tujuh di tingkat atas.

Di tingkat bawah kediaman terdapat ruang biografi, hadiah dan cenderamata, kegiatan keagamaan, kegiatan pembangunan, politik dan sosial, pelajaran, personaliti serta pertahanan.

Sementara itu di tingkat atas pula terdapat bilik belajar, bilik tidur utama, hal ehwal luar negeri, hobi, kembali ke rahmatullah, kegiatan isteri Tun Abdul Razak iaitu Tun Rahah Mohd. Noah dan Yayasan Tun Razak.

Galeri Interaktif

Biarpun tidak sempat merasai zaman pemerintahan Tun Abdul Razak, namun perasaan dekat dengan Bapa Pembangunan Negara itu dapat dirasakan sebaik sahaja kaki melangkah masuk ke pintu gerbang memorial.

Lebih-lebih lagi apabila melihat satu persatu barangan dan perabot yang dahulunya pernah digunakan Tun Abdul Razak sekeluarga di kediaman tersebut.

Perasaan teruja, malah lebih terasa apabila kesemua perabot yang terdapat di setiap



RUANG tamu kediaman Tun Abdul Razak yang ringkas mencerminkan keperibadiannya yang sederhana dan berjiwa rakyat.

sudut kediaman tersebut dapat dilihat dengan lebih terperinci menggunakan aplikasi galeri interaktif di telefon bimbit.

Melalui penggunaan aplikasi tersebut, orang ramai berpeluang untuk melihat paparan video-video Tun Abdul Razak pada zaman dahulu di setiap sudut di dalam kediaman tersebut secara visual.

Melihatkan satu persatu video di kawasan-kawasan di dalam kediaman Tun Abdul Razak, bayangan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan penuh kesederhanaan jelas

terpancar di kotak fikiran.

Menurut Pensyarah di Universiti Teknologi Mara, Prof. Dr. Mohd. Shafry Mohd. Rahim, aplikasi galeri interaktif yang mengambil masa lima tahun untuk dibangunkan oleh 15 orang pelajar universiti tersebut mampu memberi nafas baharu kepada Memorial Tun Abdul Razak untuk dihayati pengunjung.

"Galeri Interaktif yang digunakan di memorial ini merupakan aplikasi pertama di Malaysia dan Asia Tenggara dan ia merupakan antara usaha Arkib Negara ke arah mendigitalkan semua galeri dan memorial pada



MOHD. SHAFRY

BERSAMBUNG
DI SEBELAN



SALAH satu ruang di dalam Sri Taman yang dijadikan sebagai pejabat oleh Tun Abdul Razak.

masa depan.

“Ia bertujuan untuk memberi impak dari segi penyampaian maksud dalam sesuatu bahan supaya ia lebih jelas dan mudah difahami oleh orang awam.

“Galeri interaktif ini diilhamkan dengan tujuan untuk menjadikan bahan yang bersifat statik dapat dilihat oleh pengunjung dengan lebih jelas selain mudah difahami

“Sebagai contoh, jika pengunjung menghalakan telefon bimbit yang mempunyai aplikasi tersebut di potret Tun Razak, sebuah video yang memaparkan aksi Tun Razak pada zaman dahulu dapat dilihat pada paparan skrin telefon mereka,” jelasnya.

Menurut Mohd. Shafry lagi, pengunjung boleh melawat Memorial Tun Abdul Razak sambil menggunakan aplikasi ini bermula pada pertengahan Februari nanti.

Dewan Pameran

Ujar Mohd. Shafry lagi, melalui kaedah tersebut, pengunjung akan lebih tertarik untuk mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang bapa pembangunan itu dan secara tidak langsung memudahkan proses penerimaan maklumat.

Bukan itu sahaja, ia juga memudahkan pelajar terutamanya untuk memahami dan mengetahui

sejarah serta sumbangan Tun Abdul Razak dengan lebih jelas.

“Sebenarnya kesemua video yang dipaparkan untuk pengunjung ini dikumpul melalui Radio Televisyen Malaysia, Arkib Negara dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia,” jelasnya.

Selain kediaman Tun Abdul Razak, aplikasi galeri interaktif itu juga boleh digunakan di 37 kawasan dewan pameran yang terletak bersebelahan dengan memorial itu.

Menurut Mahani lagi, dewan pameran tersebut menempatkan lebih 1,580 barang yang terdiri daripada pelbagai kategori termasuk biografi, barangan milik peribadi, politik dan pendidikan.

“Sumbangan Allahyarham dapat dilihat sejak zaman sebelum merdeka lagi apabila beliau merupakan antara individu penting yang terlibat bersama Tunku Abdul Rahman dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

“Beliau merupakan tokoh yang memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru iaitu dasar yang telah melakar sejarah dalam menentukan hala tuju ekonomi negara sehingga memberi kesan yang amat besar kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar,” katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

